

TARIKH: 6/9/23  
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia  
MUKA SURAT: 32

32

UTUSAN MALAYSIA  
RABU • 6 SEPTEMBER 2023

## Dalam Negeri

# Pesakit diabetes sebak terima bantuan Perkeso, TH

Oleh ROSLIZA MOHAMED  
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA BHARU:** Seorang penghidap diabetes yang sudah dipotong kaki kanannya sebak selepas menerima peralatan perniagaan bernilai RM4,000 untuk kedai runcitnya sumbangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Lembaga Tabung Haji.

Kamarudin Mohd. Din, 52, berkata, sumbangan peralatan berupa alat pengisar, peti sejuk beku dan peti simpanan itu akan digunakan untuk jualan pelbagai jenis jus buah-buahan, air kotak, air tin selain air mineral di kedainya.

Menurutnya, sumbangan tersebut dapat membantu dia mengembangkan prospek perniagaan kedai runcit yang dia usahakannya.

"Sebelum ini, saya bekerja sebagai penguji makanan di sebuah syarikat serbuk perisa di ibu negara. Selepas itu, saya berpindah dan bekerja di sebuah pasar raya di Kubang Kerian di sini."

"Saya terpaksa berhenti kedua-dua kerja tersebut akibat penyakit diabetes kronik sebelum mengambil keputusan untuk membuka kedai runcit kira-kira tiga tahun lalu."

"Saya menghidap kencing manis selama 12 tahun sehingga



**PENGARAH** Perkeso Kelantan, Nora Yaacob (tiga kiri) menyampaikan peralatan perniagaan kepada Kamarudin Mohd. Din di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ ROSLIZA MOHAMED

kaki kanan terpaksa dipotong Mei tahun lalu. Keadaan itu menyebabkan saya mengalami kemurungan hampir setahun dan perlu memakai kaki palsu bermula Februari lalu," katanya ketika ditemui pemberita di rumahnya di Taman Sabariah, Pengkalan Chepa di sini, semalam.

Kamarudin memberitahu, dia bersyukur kerana ada pihak sudi membantunya yang memerlukan bantuan untuk menam-

bahkan pendapatan bulanan bagi menya'ra isteri, Husyarmila Shafie, 52, bersama dua anak berusia 15 tahun yang merupakan orang kelainan upaya dan 21 tahun.

Menurutnya, selepas berhenti kerja di sebuah syarikat serbuk perisa, dia membuka kedai runcit dan memperoleh pendapatan dengan untung bersih antara RM200 hingga RM300 sebulan.

Menurutnya, kekangan kesi-

hatan yang dialaminya melayakkannya menerima bantuan bulanan sebanyak RM450 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bermula Januari lalu.

"Bantuan JKM itu sedikit sebanyak dapat menampung perbelanjaan keluarga termasuk anak perempuan sulung yang akan menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda tidak lama lagi," katanya.